

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

KKM perluas suntikan vaksin pneumokokal

Pemberian bagi optimumkan perlindungan kanak-kanak lahir 2018, 2019

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memperluaskan pemberian vaksin pneumokokal kepada kanak-kanak berusia empat dan lima tahun bermula esok hingga 31 Mei tahun depan.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata pemberian vaksin menerusi inisiatif imunisasi catch-up pneumokokal (CHUP) bagi mengoptimumkan perlindungan ter-

hadap penyakit pneumokokal invasif dalam kalangan kanak-kanak yang lahir pada 2018 dan 2019.

"Berdasarkan data KKM, kadar discaj akibat penyakit pneumokokal invasif di hospital KKM adalah tinggi dalam kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah.

"Bagi pemberian vaksin itu, ibu bapa boleh bawa anak ke mana-mana fasiliti kita secara 'walk in'.

"Selain itu, ada juga janji temu melalui MySejahtera. Jadi mereka (ibu bapa) boleh pergi ke aplikasi MySejahtera untuk buat tempahan bagi mendapatkan vaksin di semua fasiliti kesihatan," katanya kepada media selepas merasmikan sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan 2023 bertemakan "Tingkatkan Liputan, Kurangkan Kecelakaan" di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Zaliha berkata, KKM menyasarkan seramai 700,000 daripada sejuta kanak-kanak yang berusia empat dan lima

tahun untuk menerima suntikan vaksin pneumokokal menerusi inisiatif itu.

"Walaupun disasarkan 700,000 tetapi Kementerian mengharapkan sekurang-kurangnya mencapai 70 peratus daripada sasaran itu," katanya.

Cegah penyakit

Sementara itu, ketika berucap merasmikan program itu, Dr Zaliha berkata, KKM sudah melaksanakan pemberian vaksin pneumokokal dalam Program Imunisasi Kebangsaan kepada kanak-kanak yang lahir bermula 1 Januari 2020 dan kanak-kanak berkenaan kini sudah mencapai usia tiga tahun.

"Vaksin pneumokokal diberikan untuk mencegah penyakit disebabkan oleh jangkitan bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang juga dikenali sebagai pneumokokus.

"Antara penyakit yang disebabkan bakteria ini adalah radang paru-paru (pneumonia), radang sinus, jangkitan telinga tengah, radang selaput mata dan saraf tunjang serta jangkitan dalam bakteria dalam darah," katanya.



Dr Zaliha (kiri) melihat Ameera Raissa menerima vaksin Pneumokokal ketika Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

ru-paru (pneumonia), radang sinus, jangkitan telinga tengah, radang selaput mata dan saraf tunjang serta jangkitan dalam bakteria dalam darah," katanya.

Katanya, program imunisasi yang dijalankan di peringkat global menunjukkan penurunan kadar kematian bagi kanak-kanak bawah lima tahun di seluruh dunia.

"Penurunan membabitkan 150

kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada 1950-an kepada 38 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada 2021.

"Bagi negara ini, penurunan kadar kematian bagi kanak-kanak bawah lima tahun daripada 158 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada 1950 kepada 7.4 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup pada 2021," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

KKM diminta segera tangani isu kekurangan jururawat hospital swasta

Kuala Lumpur: Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) diminta bertindak segera membantu memenuhi keperluan hospital swasta yang mengalami masalah kekurangan jururawat.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM, Datuk Dr Kuljit Singh, berkata perkara berkenaan sudah dibangkitkan beberapa tahun kebelakangan terutama selepas dunia dan negara dilanda pandemik COVID-19.

Katanya, rawatan tidak dapat diberikan kepada pesakit di hospital swasta kerana tenaga kerja jururawat kurang.

"Sekarang ini, ramai pesakit yang berkemampuan ingin menerima rawatan di hospital swasta.

"Oleh itu, persatuan berharap agar keputusan dan pelaksanaan kerajaan memperhalusi dan mempertimbangkan perkara ini perlu dilaksanakan secepat mungkin," katanya kepada BH.

Kelmarin, BH melaporkan KKM sedang mempertimbangkan keperluan mengambil jururawat dari luar negara bagi memenuhi keperluan hospital swasta yang mengalami masalah kekurangan jururawat.

Mengulas lanjut, Dr Kuljit berkata, isu kekurangan tenaga kerja jururawat ini amat serius, di mana didapati ramai pesakit terpaksa menunggu untuk mendapatkan katil.

"Kadang-kadang mereka terpaksa menunggu antara enam sehingga lapan jam atau lebih daripada itu untuk mendapatkan katil.

"Kita tidak hantar mereka (pesakit) ke hospital kerajaan sebab di sana pun penuh, selain keadaan akan jadi lebih susah untuk merawat pesakit lain," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : LOKAL



LUKANISMAN (empat dari kiri) melakukan simbolik perasmian Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia Peringkat Kebangsaan, semalam.

Penggunaan vape naik 14.9%

Melaka: Dapatan hasil kajian dijalankan Institusi Kanser Negara (IKN) menunjukkan, penggunaan rokok elektronik atau vape meningkat daripada 9.8 peratus kepada 14.9 peratus bagi tempoh 2017 hingga 2022.

Disebabkan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang akan dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada Persidangan Dewan Rakyat, awal Jun ini, mendapat sokongan semua Ahli Parlimen.

Menurut Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Sauni, kelulusan itu penting kerana peningkatan penggunaan vape hasil daripada kajian IKN itu sangat membimbangkan.

"Mesyuarat Kabinet pada minggu lalu bersetuju supaya KKM membawa kertas RUU berkenaan yang dipinda daripada RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 sebelum ini.

"Saya sendiri yang membawa draf serta beri taklimat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dan beliau mengulangi komitmen terhadap generasi penamat rokok (Generasi Penamat (GEG)).

"Buat masa ini, memang ada kekangan yang mana tiada sebarang perundangan atau peraturan yang perlu dipatuhi peniaga vape. Pada masa sama, kita tiada kuasa untuk menguatkuasa dan mengambil tindakan atau pun hukuman jika berlaku penyalahgunaan vape," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2023 peringkat kebangsaan anjuran Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Dewan Hang Tuah di sini, semalam.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Vaksin pneumokokal percuma

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan memperluaskan pemberian vaksin pneumokokal secara percuma bermula hari ini kepada kanak-kanak yang lahir pada 2018 dan 2019 di semua fasiliti primer kerajaan seluruh negara.

Menterinya, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pemberian vaksin itu yang dilaksanakan hingga 31 Mei 2024 dibuat menerusi inisiatif imunisasi *catch-up* pneumokokal (CHUP) bagi memastikan golongan terlibat menerima imunisasi lengkap.

Katanya, usaha itu juga bagi mengoptimalkan perlindungan penyakit pneumokokal invasif dalam kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah.

"Berdasarkan data KKM, kadar discaj akibat penyakit pneumokokal invasif di hospital adalah tinggi dalam kalangan kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah.

"Jadi, bagi pemberian vaksin itu, ibu bapa boleh bawa anak-anak mereka ke mana-mana fasiliti kita secara 'walk in' untuk menerima suntikan.

"Selain itu, ada juga janji temu melalui MySejahtera di mana ibu bapa boleh pergi ke aplikasi MySejahtera untuk tempahan bagi mendapatkan vaksin di semua fasiliti kesihatan," katanya kepada ketika merasmikan sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di



ZALIHA (dua dari kanan) bergambar bersama kanak-kanak selepas menyerahkan sijil vaksinasi selepas merasmikan Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Putrajaya semalam.

sini semalam.

Sebelum ini, vaksin itu dijual pada harga RM250 bagi satu suntikan dan kanak-kanak perlu melengkapkan tiga suntikan sehingga umur lima tahun.

Dalam pada itu, Dr. Zaliha menjelaskan, KKM turut menyasarkan seramai 700,000 daripada sejuta kanak-kanak berusia empat dan lima tahun untuk menerima suntikan pneumokokal menerusi inisiatif itu.

"Walaupun disasarkan 700,000, tetapi KKM mengharapkan sekurang-kurangnya kita

mampu mencapai sehingga 70 peratus daripada sasaran itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr. Zaliha berkata, KKM telah melaksanakan pemberian vaksin pneumokokal menerusi Program Imunisasi Kebangsaan kepada kanak-kanak yang lahir bermula 1 Januari 2020.

Vaksin pneumokokal diberikan bertujuan mencegah penyakit disebabkan jangkitan bakteria *Streptococcus pneumoniae* yang boleh menyebabkan pneumonia beberapa penyakit lain.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Masih ramai tidak
sedar kesan buruk
vape terutamanya
golongan remaja

Kerajaan disaran supaya memantau dan mengawal sebarang aktiviti yang mempromosikan produk-produk tembakau termasuk vape di semua platform media sosial.

Pempengaruh media sosial, Dr Mohd Izzar Anwari Abdul Khani berkata, kekurangan kawalan terhadap aspek tersebut menyebabkan mudahnya untuk masyarakat membeli produk vape di pasaran terutamanya golongan remaja.

Ujarnya, ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mereka tentang bahaya penggunaan rokok dan vape serta kesannya terhadap kesihatan diri.



"Kesan rokok itu saya rasa semua orang tahu, cuma rokok elektronik (vape) yang baharu ini masih ramai lagi yang belum ada kesedaran, ditambah pula promosi-promosi mempengaruhi media sosial dan selebriti dengan vape.

"Mereka buat macam (hisap vape) itu satu perkara yang bergaya. Sebab saya tengok vape ini, siap ada *roadshow*."

"Mereka boleh buat senewang-wenangny, boleh jual secara terbuka sebab tiada kawalan," katanya selaku panelis pada Wacana Sinar sirif 399 bertajuk Generasi Penamat Rokok - Daripada Tiga Perspektif yang disiarkan secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Selasa.

Turut menjadi panelis ialah Yang Dipertua Persatuan Kesihatan Malaysia (Ikram Health), Dr Mohd Afiq Mohd



Dr Mohd Izzar (tengah) bersama Dr Mohd Afiq (kiri) dan Wency sebagai panelis pada Wacana Sinar siri 399 yang disiarkan secara langsung di semua platform *Sinar Harian* pada Selasa.

Nor dan Pakar Ekonomi
Universiti Putra Malaysia (UPM),
Dr Wency Bui Kher Thinnng ma-
nakala Azlan Shah Nabees Khan
bertindak sebagai moderator.

Ulas Dr Mohd Izzar, sudah menjadi trend untuk mana-mana jenama barangan termasuk syarikat rokok, menggunakan pempengaruh media

sosial dalam mempromosikan produk.

Menurutnya, ia kerana pengaruh media sosial mempunyai capaian pengikut yang ramai dalam media sosial sekali gus meluaskan pemasaran jenama sesuatu produk itu.

"Bagi saya ini satu perkara yang tidak patut dan tidak di-

sokong. Sebagai seorang *influencer* atau selebriti, mereka seharusnya menjaga kandungan yang mereka kongsiikan kepada penonton mereka.

"Oleh itu, sudah tiba masa satu rang undang-undang (RUU) untuk mengawal promosi dan penjualan produk tembakau termasuk vape diadakan," ujarnya.

Vape tetap punya bahaya tersendiri

MELAKA - Kerajaan akan memastikan Rang Undang-Undang (RUU) Produk Demi Kesihatan Awam 2023 akan dibentang dan dibahaskan kali pertama di Dewan Rakyat pada awal Jun ini.



LUKANISMAN

Timbalan
Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, kabinet juga telah bersetuju supaya kementerian itu membawa kertas RUU yang dipinda daripada RUU Kawalan Produk Tembaku dan Merokok 2022 sebelum ini.

"Sidang Parlimen dijangka bermula pada 6 Jun dan kita sedang tunggu tarikh daripada pihak Parlimen dan menjangkakan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 akan

dibentangkan
pada awal Jun,"
katanya.

Bellau berkata demikian ketika sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia Peringkat Kebangsaan anjuran Persatuan Kanser Kebangsaan (NCSM) dan an Perubatan (MMA), di Dewan pada Rabu.

Tambah Lukanisman, pandangan serta sokongan daripada ahli Parlimen, pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) penting bagi memastikan RUU itu dapat direalisasikan.

"Sesi libat urus bersama pemain industri rokok elektronik (vape) juga perlu dilaksanakan," katanya.

SHAH ALAM - Orang ramai diingatkan tidak mudah terpedaya dengan dakwaan penggunaan vape kurang mudaratnya berbanding rokok.

Menurut Yang Dipertua Ikram Health Malaysia, Dr Mohd Afiq Mohd Nor, masih tiada bukti saintifik yang menyokong dakwaan berkenaan kerana kedua-dua produk tersebut mempunyai bahaya tersendiri.

"Sehingga sekarang tiada mana-mana syarikat pengeluar berkaitan, daftarkan produk mereka sebagai satu alat untuk berhenti merokok.

"Bahkan paling bahaya adalah apabila kita lihat penggunaan menggunakan kedua-dua produk tersebut. Tak cukup dengan vape, mereka kembali kepada penggunaan rokok konvensional, maka, tiada pengurangan yang berlaku," katanya.



DR MOHD AFIC

Beliau berkata demikian pada Wacaran 399 bertajuk Generasi Rokok-Daripada Tiga

pada Selasa.

Ujar Mohd Afiq, masih belum ada mana-mana pusat terapi ketagihan merokok yang menggunakan vape bagi tujuan terapi untuk ketagihan merokok.

"Banyak perkara perlu dikaji, bagaimana penggunaannya, berapa miligram (mg) perlu jadi, sebenarnya masih la bukti kajian mengenai," jelasnya.

RUU GEG tidak jejas ekonomi negara

SHAH ALAM - Rang Undang-Undang (RUU) Generasi Penamat Rokok (GEG) tidak akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

Pakar Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Wency Bui Kher Thinn berkata, RUU tersebut hanya sekadar memastikan aktiviti penjualan rokok ataupun vape terkawal.

Jelasnya, ekonomi negara juga tidak bergantung sepenuhnya kepada aktiviti berkenaan. "Perkara (RUU) ini juga untuk memastikan ke-

selamatan generasi kita daripada terdedah kepada bahaya yang ada dalam barangan berkenaan. Difahamkan ramai anak muda yang menggunakan-nya," katanya.

Wency berkata demikian ketika Wacana Sinar ke-399 bertajuk Generasi Penamat Rokok-Daripada Tiga Perspektif pada Selasa.

Tambah Wency, RUU itu secara tidak langsung akan memberi kesan baik kepada ekonomi pada masa akan datang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : RENCANA

Gerhana nikotin gelapkan Hari Tanpa Tembakau Sedunia

UIAM
BERHUKUM

Oleh
Dzulfitri Abdul Razak

SEMALAM, 31 Mei, adalah Hari Tanpa Tembakau Sedunia (HTTS) yang dimulakan pada 1987 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Tujuan utamanya untuk menarik perhatian kepada epidemik penggunaan tembakau, sekali gus menonjolkan kesan negatif ke atas kesihatan sehingga membawa kepada sengsara dan maut melibatkan jutaan nyawa. Ini memandangkan ia sejenis pepohon yang daunnya diadun menjadi hasilan tembakau untuk dijual dengan meluas bagi mengaut untung lumayan walaupun menyebabkan pelbagai gejala menyeksakan.

Terutama sekali bahan racun semula jadi yang terdapat pada paras agak tinggi dan meracuni penggunaannya serta mereka yang berada di sekitarnya. Malah ratusan ribu mati saban tahun di Malaysia sahaja dan masih belum insaf. Oleh itu, HTTS kali ini membangkitkan persoalan, mengapa perlu tembakau ditanam dan diperdagangkan untuk mendapat keuntungan yang merompak kebajikan rakyat teramai?

Mengapa tidak digantikan dengan tanaman yang selamat serta tidak kurang menguntungkan? Tegas cogan tahun ini, 'Kita perlu makanan, bukan tembakau!' Apa lagi dalam keadaan ekonomi meleset dinihari.

Tambahan pula, bagi Malaysia, HTTS kali ini mempunyai satu lagi natijah penting perlu ditonjolkan, yakni berkaitan bahan nikotin dalam tembakau. Dan baru-baru ini mencetuskan kontroversi besar-besaran apabila dilepaskan daripada kawalan undang-undang di bawah Akta Racun 1952.

Setelah sekian lama, nikotin secara saintifik dianggap sebagai bahan racun berbahaya dan dikawal ketat supaya tidak disalahgunakan



PENULIS menerima Anugerah Tokoh Kawalan Tembakau Malaysia sempena sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2023 di Melaka, semalam.

Nikotin secara saintifik dianggap sebagai bahan racun berbahaya dan dikawal ketat."

khususnya bagi mereka berumur 18 tahun ke bawah. Namun, tiba-tiba ini berubah tidak pula berlandaskan bukti ilmiah kukuh.

Malah lebih bersandarkan tindakan politik terdesak. Maka mulai 1 April lalu, kawalan tersebut dimansuhkan sama sekali sekelip mata, menghalalkan penggunaan vape melalui cecair atau gel untuk semua lapisan masyarakat. Khabarnya, Menteri Kesihatan terbaharu 'mewahyukan' sedemikian, menyalahi nasihat para profesional kesihatan dari hampir semua pihak termasuk para pakar pelbagai bidang serta merentas sektor.

Bukan sahaja keputusan tidak profesional, ia juga sekali gus tidak demokratik dan tidak beretika. Apatah lagi tidak juga madani. Kesan langsung dirasakan oleh semua pihak yang terdedah

kepada persekitaran tanpa membawa warga Malaysia ke arah kesejahteraan menyeluruh. Andaiannya serupa kisah terkini apabila seorang bapa memberi anaknya biskut beraris ganja sehingga membawa pelbagai kesengsaraan kepadanya.

Begitu juga pandemik Covid-19, yakni membiarkan virus tersebut merebak ke mana sahaja tanpa sebarang kawalan walaupun diketahui akan menjangkiti dan membunuh lebih ramai lagi rakyat tidak berdosa.

Bezanya hanyalah nikotin akan membunuh perlahan-lahan melalui jangkitan barah paru-paru misalnya, tetapi tetap membunuh jua selepas pelbagai penderitaan sepanjang hayat! Maka, tanda tanya serupa dibangkitkan, mengapa penggunaan nikotin tidak dihentikan sahaja dan digantikan dengan bahan lebih selamat serta digemari ramai? Bukan dilonggarkan kecapaannya untuk terus merosakkan.

DARI TAMBUN KE RANAU

Jadi, tidak hairanlah suasana HTTS kali ini seakan-akan dirundung malang. Sepatutnya menyedarkan rakyat akan bahaya tembakau serta segala rupa hasilnya yang wajar dikawal dengan

ketat. Pihak berwajib melakukan sebaliknya dengan melonggarkan kecapaian vape seadanya.

Mengikut Kumpulan Kesemua Parti Parlimen Malaysia - Matlamat Membangun Lestari (APPGM-SDG), rebakan penyalahgunaan nikotin dalam kalangan anak muda amat membimbangkan. Termasuk kawasan Tambun sehingga ke Ranau di mana cerita salah guna nikotin dan vape terus mencetuskan kemelut yang dahulu tidak pun disentuh.

Jelas ini perkara berkaitan dengan tindakan 1 April yang disebut awal tadi. Malangnya semua pihak cuba membusu dan memekakkan diri. Tiada sebarang ulasan perinci, mahupun penjelasan rasmi apatah lagi langkah menarik balik keputusan bodoh sombong atau meminta maaf ke atas kebakhilan keputusan yang dipaksakan.

Sementara itu, keadaan bertambah kusut, hari demi hari seperti laporan pakar penasihat khas kepada Menteri Kesihatan tentang berlakunya apa yang dikenali sebagai EVALI (*electronic vape associated lung injury*), suatu gejala baharu kesan langsung vape ke atas kecederaan paru-paru.

Menurut beliau, bilangan kes meningkat sejak kebelakangan ini melampaui 30 kes setakat ini. Kaitan dengan kekerapan penggunaan vape bernikotin cukup jelas. Tidak terhad kepada pengguna tetapi melarat kepada isteri dan anak-anak sekeluarga sepertimana asap rokok sekunder yang diharapkan. Anehnya, berita secemas ini semacam tidak diketahui menteri serta timbalannya, tidak pula mencemaskan pihak utama yang bertanggungjawab menghalangnya.

Ini terbukti jelas betapa langkah untuk menggubal undang-undang, mengawal semula keadaan telah berulang kali ditunda sejak Oktober tahun lalu. Kemudian pada suku pertama 2022, kemudian pada sidang Parlimen pertama, kemudian sekali lagi pada Mei.

Kita seolah-olah terlupe setiap penangguhan melibatkan ratusan, kalau tidak ribuan warga terjerumus ke dalam kancas durjana nikotin. Kini, kononnya bulan hadapan pula. Entah betul, entah tidak, sukar untuk diramalkan gara-gara mendahului politik dan ekonomi 'segera' berbanding kesihatan dan kebajikan rakyat marhaen yang senantiasia terawang-awang.

Tambahan pula nikotin yang terkenal berbahaya kerana menyebabkan pergantungan serta ketagihan seumur hidup. Derita yang tiada penghujungnya, selagi ajal belum menjelma khususnya pada kelompok remaja yang alpa.

Sebab itu HTTS 2023 diselubungi kegelapan umpama gerhana nikotin, membayangkan masa hadapan serba gelita selagi isu nikotin vape terus tertangguh-tangguh sesedap rasa, terbengkalai tanpa dipedulikan oleh mereka yang diamanahkan tetapi curang terang-terangan. Bagi mereka yang tidak madani ini, tiada maaf bagi mu! Tuhan sahaja akan menentukan balasannya kelak. Insafilah segera.

PROFESOR Emeritus Tan Sri Dzulfitri Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM

Sakit mental kedua serius selepas jantung

SAUDARA PENGARANG,

KESIHATAN mental sering dikaitkan dengan keupayaan seseorang untuk menjalani, menghargai dan menikmati hidup dalam cara yang positif, produktif dan seimbang.

Bagi individu yang mempunyai kesihatan mental buruk, tekanan dihadapi mengakibatkan mereka mengalami kemurungan.

Masalah kemurungan bukan hanya melibatkan perubahan emosi dan tingkah laku, malah boleh menyumbang berlaku penyakit-penyakit kronik lain seperti jantung, diabetes dan kanser.

Berdasarkan Laporan Statistik Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, kira-kira setengah juta atau 2.3 peratus orang dewasa di Malaysia menghadapi kemurungan. Peningkatan kes-kes melibatkan kesihatan mental menjadikan ia sebagai masalah kedua terbesar rakyat Malaysia selepas penyakit jantung.

Dalam pada itu, pandemik Covid-19 telah melonjakkan lagi peningkatan kes berkaitan masalah kesihatan mental. Kejadian membunuh diri juga turut meningkat seiring peningkatan kes berkaitan kesihatan mental.

Malah, laporan Majlis Keselamatan Negara pada Mac lalu mendedahkan terdapat 212,319 panggilan diterima oleh Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) pada 2021 berbanding 2020 hanya 44,061.

Peningkatan sebanyak lima kali ganda ini menunjukkan masalah kesihatan mental terus meningkat di Malaysia. Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa turut melaporkan terdapat 3.35 peratus daripada 76,381 petugas kesihatan dari pelbagai skim perkhidmatan dikesan mengalami gejala tekanan, keresahan serta kemurungan pada tahun lalu menerusi ujian saringan kesihatan mental.

Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek pula memaklumkan pihaknya mengenal pasti pelbagai perkara yang menyumbang kepada masalah kesihatan mental warga pendidik termasuk guru duka lara, beban kerja badan tekanan lain.

Oleh itu, stigma dan diskriminasi terhadap individu dengan masalah kesihatan mental harus dihapuskan agar mereka berani melangkah ke depan untuk merawat masalah tersebut bagi mengelak kita terus berada di ambang krisis kesihatan mental.

**SITI ROSNITA SAKARJI
& NURBARIRAH
AHMAD**
Universiti
Teknologi Mara
(UiTM)



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

ALL REPORTS LOOKED INTO

Health Ministry receives 742 complaints on food hygiene

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has received 742 complaints on food hygiene from January to April.

Its Food Safety and Quality Division senior director, Norrani Ekan, said the ministry had looked into all the reports, and 312 complaints were being investigated.

"The ministry takes note of an article published in the *New Straits Times* on how eateries must prioritise cleanliness. The report highlighted a viral incident involving the discovery of nail clippings in a dish at a restaurant in Kuala Lumpur, which is being investigated.

"The ministry views the issue of cleanliness and food safety seriously. One of the food handling requirements in the Food Hygiene Regulation 2009 is for all food handlers to attend training at an institution recognised by the ministry."

Norrani said among the training aspects were clean and safe food-handling methods, including personal hygiene; raw ingredients handling; equipment, space and environmental hygiene; and, food storage.

She said the Food Safety and Quality Division also conducted food safety education and awareness campaigns for the public and food operators.

The division, she said, had been enforcing the Food Hygiene

Regulation 2009 to monitor the cleanliness of food premises.

"From 2020 to April 2023, we have inspected 206,150 food premises with 4,050 (1.96 per cent) being ordered to close under Section 11 of the Food Act 1983 for being unhygienic.

"A total of 54,820 compounds have been issued under the Food Hygiene Regulation 2009.

She said those who had concerns about food safety could contact any Health district office, state Health Department or go to <http://moh.spab.gov.my> (<http://moh.spab.gov.my/>), or the division's Facebook page at www.facebook.com/bkkmhq.

"The Health Ministry calls on the complainant to provide details such as the complainant's name, telephone number and the name or exact location of the premises," she added.

On May 24, the NST published a letter from a reader in Pahang, who highlighted the issue of food hygiene. The writer had said eateries must follow strict guidelines for cleanliness and sanitation, including regular cleaning of cooking utensils, equipment and food preparation areas, to prevent cross-contamination.

This followed a story published on May 21, where a woman had discovered nail clippings while having lunch at a restaurant in the Klang Valley recently.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

2 Nation

THE STAR, THURSDAY 1 JUNE 2023

Pneumococcal vaccination for kids to be expanded

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The free pneumococcal vaccination programme will be expanded to those born between 2018 and 2019 starting June 1, says the Health Ministry.

Minister Dr Zaliha Mustafa said the programme would be expanded because unvaccinated children below the age of five are at risk of

invasive pneumococcal disease and are exposed to complications.

"The nationwide pneumococcal vaccination programme will start on June 1 until May 31 next year and it will involve the ministry's primary healthcare facilities," she said when launching the "Catch-up on Pneumococcal Immunisation" programme on National Immunisation Day yesterday.

In December 2020, the govern-

ment included pneumococcal vaccination in the National Immunisation Programme for those who born in January that year.

Dr Zaliha said the ministry is targeting to inoculate 70% or 700,000 of the one million children aged four to five under the two-year programme.

There will be only one pneumococcal vaccine dose administered

to four- to five-year-olds compared with the three doses given out in stages for babies at four and six months old and 15 months for the third or booster dose.

"Those looking to set an appointment for the vaccination can do so via the MySejahtera app," she added.

Pneumococcal disease is caused by the streptococcus pneumoniae (pneumococcus) bacteria which

will cause a range of infections such as pneumonia, meningitis and sinus, and could lead to severe infections.

"Our officers will continue to track children who were left out from immunisation programmes or who missed any of their scheduled vaccinations to ensure adequate coverage against infectious diseases and also minimise the risk of infection," Dr Zaliha said.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NATION

Tobacco control law to be tabled for first reading soon

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

MELAKA: The Control of Smoking Product for Public Health Bill 2023 is expected to be tabled in Parliament early this month, says Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni.

He said the Bill is crucial for protecting the health of the younger generation and it comprises two main aspects, namely the control of smoking products including vape and cigarettes, and the implementation of the generational endgame (GEG) policy.

"The Bill could not be tabled in the previous parliamentary session due to the dissolution of the previous government, but the ministry is committed to bringing the Bill for its first reading in Parliament after the Kaamatan

and Gawai holidays.

"Health Minister Dr Zaliha Mustafa brought the Bill to the Cabinet last week and I was informed that the Cabinet has agreed for the ministry to table the Bill for the first reading," he said after the launch of the national-level World No Tobacco Day 2023 at Dewan Hang Tuah here yesterday.

Lukanisman said his ministry will also hold an engagement session with stakeholders in the cigarette industry on the policies proposed under the new law.

He added that the implementation of the Bill needs to be expedited because according to the National Health and Morbidity Survey, the number of cigarette users among teenagers in this country increased by 14.9% to 307,109 last year compared with 211,084 in 2017.

Of the teen users, 242,849 were

boys while 64,260 were girls, he said.

"The increase in the number of cigarette users among teenagers is very worrying, therefore in order to overcome the issue and problem of the use of smoking products especially among children and teenagers, legal control needs to be strengthened through the Bill," he said.

Also present at the launch were Melaka health, human resources and unity committee chairman Ngwe Hee Sem and state Health Department director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman. Kota Melaka MP Khoo Poay Tiong, Malaysian Medical Association president Dr Muruga Raj Rajathurai, and National Cancer Society Malaysia president Datuk Dr Saunthari Somasundaram and honorary adviser Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali.



No to smoking! Lukanisman (third from left) officiating the launch of the national-level World No Tobacco Day 2023 at Dewan Hang Tuah in Melaka. Also attending is Ngwe (fourth from right). — Bernama

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : VIEWS

A leap for public health

WORLD No Tobacco Day 2023 (May 31) underscores the need for "Better control and governance". This theme is especially pertinent to Malaysia in tackling the ecigarette issue.

Ecigarettes, though often seen as a safer alternative to conventional smoking, contain hazardous chemicals and nicotine, a highly addictive substance.

We fervently advocate for the prompt passing of the Control of Smoking Product for Public Health Bill 2023.

However, an overlooked fact is the potential to regulate ecigarettes and their refill solutions under the Sale of Drugs Act 1952 and Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984.

Defined under Section 2 of the Sale of Drugs Act, a "drug" includes "any substance, product, or article intended to be used or capable, or purported or claimed to be capable, of being used on humans or animals, internally or externally, for medicinal purposes."

"Registration of ecigarettes is a progressive step in managing their sale and distribution."

Ecigarettes and their solutions fall into this category because they are frequently marketed as aids for smoking cessation or as nicotine replacements.

Consequently, they should undergo the same regulations as other drugs, including compulsory product registration with the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).

The Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, enacted under the Sale of Drugs Act 1952, supports this stance. Specifically, Regulation 7(1) mandates that the manufacture, sale,

supply, possession for sale, and import of drugs must be strictly managed through the product registration process with the NPRA.

An example of the provision of these laws is paracetamol, a common medicine that we can purchase from grocery stores.

Like nicotine, oral medication containing paracetamol is an exempted poison under the current Poison Act 1952, yet any product containing paracetamol must be registered with the Health Ministry before being sold in Malaysia.

Product registration guarantees that ecigarette and vape solutions comply with safety standards, diminishing public health risks.

It mandates ingredient disclosure, enhancing consumer awareness and lessening risks associated with unregistered products.

This action is consistent with the forthcoming Control of Smoking Product for Public

Health Bill 2023, which is expected to include a provision requiring the registration of all tobacco and vape products prior to sale.

Registration of ecigarettes is a progressive step in managing their sale and distribution. It fosters public health and safety, enables enforcement against law violators, and promotes a responsible ecigarette industry.

Moreover, this process allows for controlled distribution and sale of these products.

Only registered products can be legally sold by licensed individuals or companies. This move ensures that ecigarette and vape solutions meet safety standards, minimising harm to consumers and the public from unregistered products.

**DR AMAR DAUD ISKANDAR
ABDULLAH
DR SER HOOI LENG
and PROF LONG CHIAU MING
School of Medical and Life
Sciences,
Sunway University**

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Free pneumococcal vaccination for children

PUTRAJAYA: Children aged between four and five, born between 2018 and 2019, will be able to get free pneumococcal vaccination at all Health Ministry primary health facilities from today till May 31 next year.

Health Minister Dr Zaliha Mustafa said it is an expansion of the pneumococcal immunisation programme.

She said previously children born between 2018 and 2019 were not included in the target group for pneumococcal vaccination under the National Immunisation Programme.

Zaliha said the children would be given a single dose of the vaccine compared with babies who are given

three doses, at four months, six months and 15 months.

She was speaking after officiating the National-Level Immunisation Day 2023 celebration.

"Parents or guardians who want to get the pneumococcal vaccination for their children can do so by walking in to health and village clinics nationwide or by making appointments via the MySejahtera application."

The pneumococcal vaccine protects against streptococcus pneumoniae or the pneumococcus bacterial infection.

Among diseases caused by the bacteria are pneumonia, sinus infection, middle ear infection and meningitis as well as septicaemia.

Complications of pneumococcal disease include hearing impairment and brain damage which could lead to death.

The ministry began administering pneumococcal vaccination under the National Immunisation Programme on Dec 1, 2020 for children born from Jan 1, 2020.

Zaliha said the ministry is targeting a total of 700,000 or 70% of one million children born between 2018 and 2019 to be given the pneumococcal vaccine.

She added that under the National Immunisation Programme for infants and children, there are 11 types of vaccine products given to prevent 13 vaccine-preventable

diseases, namely tuberculosis, hepatitis B, diphtheria, tetanus, whooping cough, haemophilus influenzae type B, polio, measles, mumps and rubella.

She said for female students, aged 13, the human papillomavirus vaccine would be given, while in Sarawak the Japanese Encephalitis vaccine would also be given.

"Now the success of immunisation coverage for infants and children is high at the national level and has reached the target set by the World Health Organisation (WHO), which is more than 95% for most of the main vaccines under the immunisation programme. This achievement has also been certified by the WHO." - Bernama

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Push to table smoking control Bill next month

MALACCA: The Health Ministry hopes that the Control of Smoking Product for Public Health Bill, which will regulate all smoking products, will be tabled in Parliament early next month.

Deputy Health Minister Lukanisman Awang Sauni said the Bill is of paramount importance to protect the health of the young generation and it comprises two main aspects, namely the control of smoking products including vape and e-cigarettes and the

implementation of "Generational Endgame" policy.

"The Bill could not be tabled in the previous parliamentary session due to the dissolution of the previous government, but the ministry is committed to submit the Bill for first reading after the Kaamatan and Gawai holidays.

"Health Minister Dr Zaliha Mustafa submitted the Bill paper to the Cabinet last week and I was informed that the Cabinet has agreed for the ministry to table the

Bill for first reading," he said after launching the national-level World No Tobacco Day yesterday.

Also present were Malacca Health, Human Resources and Unity Committee chairman Ngwe Hee Sem and state Health director Datuk Dr Rusdi Abd Rahman.

Lukanisman also said the implementation of the Bill needs to be expedited because according on the National Health and Morbidity Survey, the number of e-cigarette users among teenagers

has increased by 14.9% to 307,109 last year compared with 9.8% (211,084) in 2017. Of the total, 242,849 users were teenage boys while 64,260 were girls.

"The increase in the number of e-cigarette users among teenagers is very worrying. Therefore, in order to overcome the issue of the use of smoking products, especially among children and teenagers, legal controls needs to be strengthened through the Bill," he said. - Bernama